

Kerajaan kaji gubal undang-

UM 2 2 JAN 2002

PETALING JAYA 21 Jan.

— Kerajaan akan mengka-
ji untuk menggubal
undang-undang bagi
memberi kuasa kepada ke-
rajaan menutup mana-
mana tadika yang dida-
pati menyeleweng daripa-
da kurikulum asal.

Datuk Seri Dr. Maha-
thir Mohamad berkata,
kajian itu perlu dilakukan
kerana sehingga ini tiada
peraturan yang membe-
narkan kerajaan menga-
wal aktiviti kelas-kelas ta-
dika di negara ini.

“Undang-undang (sehi-
ngga ini) tidak ada untuk
kawal tadika, jadi mereka
buka (tadika) dan ajar
anak-anak untuk mem-
benci orang itu dan ini.”
katanya kepada pemberi-
ta selepas melancarkan
Pusat Komuniti (Kelas
Tuisyen) Puteri UMNO di
sini hari ini.

Dr. Mahathir berkata,
tindakan yang sama telah
dilakukan oleh Pakistan
apabila kerajaannya telah
menutup banyak madra-
sah di negara itu yang
didapati menyeleweng.

Menurutnya, tujuan pi-
hak tertentu di negara ini
membuka kelas tadika bu-

kan untuk mengajar aga-
ma kepada kanak-kanak.

“Mereka buka tadika benci orang sejak dari ke-
untuk ajar (anak-anak) cil, nak didik anak-anak

-undang kawal tadika

Menurut beliau, **anak-anak** yang mempunyai **fikiran bersih telah** diajar untuk menamakan orang-orang tertentu seperti mahazalim, **mahafiraun** dan **bermacam-macam lagi** nama lain.

Perdana Menteri mengakui kelas tadika anjuran pihak terbabit mendapat sambutan kerana orang ramai **menjangkakan** ajaran Islam diajar di situ.

“Orang UMNO pun ada yang **hantar** anak mereka ke situ kerana nak **belajar** agama, depa ajarlah **agama sikit-sikit tapi** yang banyaknya depa ajar **macam mana** nak benci orang,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, kegiatan kelas-kelas itu tidak dapat di kawal **sepe-nuhnya** oleh kerajaan **kerana** pihak terbabit bijak menyembunyikannya.

Kerajaan pula, **menurut** beliau, tidak mempunyai penyeliaan yang **cukup** untuk **mengawal** kelas-kelas itu juster-u **memudahkan** mereka **melakukan** penyelewengan.

“Mereka tubuh (tadika) **tanpa kebenaran**, mereka ajar sesuka **hati, kelulus-**

an (kelayakan) orang yang mengajar pun **kita** tak tahu **sama ada** dia faham agama atau tidak,” **kata-**nya.

Dr. Mahathir berkata, pihak terbabit pula akan menutup kelas tadika yang dibuka oleh kerajaan seperti yang pernah **berla-**ku terhadap tadika Kemas di Terengganu, sebelum **ini**.

Dalam ucapannya, **Per-**dana Menteri berkata, **tu-**juan pihak terbabit **me-**nyemai perasaan **mem-**benci di kalangan **kanak-**kanak adalah untuk **men-**dapat sokongan generasi **muda pada** masa akan **da-**tang.

“Mereka mahu **memas-**tikan supaya apabila **de-**wasa, kanak-kanak itu **ha-**nya percaya dan **menghor-**mati mereka sahaja,” **ka-**tanya.

Bagaimanapun **kata be-**liau, perasaan membenci yang disemai oleh pihak terbabit itu boleh **mero-**s a k k a n **fikiran** **kanak-**kanak dan seterusnya **me-**nghancurkan masa depan mereka.

“Tujuan mereka **adalah** **semata-mata** untuk **men-**

dapat sokongan generasi **muda pada** masa akan datang.

“Adalah **malang** sekali (kerana) keadaan **ini (se-**balikunya) akan **menjadi-**kan masa depan **masyara-**kat **kita** tidak berguna,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, berbeza dengan kelas **tadi-**ka anjuran kerajaan, **kuri-**kulumnya benar-benar menjurus kepada **pebbe-**lajaran ilmu **pengetahuan**.

Beliau meminta ibu bapa menghantar **anak-**anak ke tadika kerajaan **bagi** memastikan mereka dapat menimba ihnu **pe-**ngetahuan yang berguna untuk masa depan.

Kata beliau, tadika yang ditubuhkan kerajaan **ber-**tujuan untuk mengajar ilmu pengetahuan yang sebenarnya bukan **bermo-**tifkan politik tertentu.

“Tadika **ini** (yang **ditu-**buhkan kerajaan) akan membantu anak-anak (**je-**jak) ke pendidikan tinggi dan seterusnya mendapat pulangan lebih baik **apabi-**la dewasa kelak,” katanya.

supaya apabila besar, **me-**reka benci **orang itu dan** **ini,**” katanya.